

Kenyataan Tender Bil. 34/2025

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2025/A208	Cadangan Menaiktaraf Padang Bola Sepak Di PPR Kerinchi, Kuala Lumpur Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G4 CE14 Dan CE21 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 14 November 2025 (Jumaat) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 3 Disember 2025 (Rabu)
2025/A209	Cadangan Kerja Perkhidmatan Secara Sewaan Untuk Membekal, Memasang, Mengujiterima Dan Menyelenggara Sistem Closed – Circuit Television (CCTV) Serta Sistem Aplikasi Telemetri Pengoperasian Lif Di Kawasan Perumahan DBKL (PA/PPR) Bagi Tempoh Lima (5) Tahun Harga Dokumen: RM1000.00	Berdaftar Dengan CIDB Gred G7 M23 Dan E02 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 20 November 2025 (Khamis) <u>9.30 Pagi – 10.30 Pagi</u> Dewan Serbaguna PA Desa Rejang, Setapak 54100 Kuala Lumpur <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 9 Disember 2025 (Selasa)
2025/A210	Kerja – Kerja Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara Dan Peralatan Berkaitan Di Bangunan – Bangunan Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM300.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G3 M01 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 25 November 2025 (Selasa) <u>9.30 Pagi – 10.30 Pagi</u> Dewan Perdana Keramat Mall Jalan Datuk Keramat 54000 Kuala Lumpur <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 12 Disember 2025 (Jumaat)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah
2. memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
3. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
4. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
5. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**
6. Dokumen Tender **2025/A209 Dan 2025/A210** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web selepas Sesi Taklimat Tapak.
7. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2025/A209 Dan 2025/A210** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
 - i. Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (2025/A209 Dan 2025/A210)
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB (2025/A209 Dan 2025/A210)
 - iii. Sijil Taraf Bumiputera Yang Dikeluarkan Oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Operasi (2025/A210)
 - iv. Cop Syarikat (Rubber Stamp)
 - v. Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil
8. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
9. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
10. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 14 November 2025 (Jumaat)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my